

Kempen “CIMB Clicks Transact & Win Exclusive” Terma-Terma dan Syarat-Syarat

1. Kempen “**CIMB Clicks Transact & Win Exclusive**” adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank secara kolektif.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 1^{hb} November 2020 hingga 31^{hb} Disember 2020, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

4. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Kempen ini adalah terbuka kepada semua individu yang merupakan pengguna berdaftar sedia ada laman web CIMB Clicks dan/atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks (“**CIMB Clicks**”) dan telah menerima pemberitahuan dari CIMB mengenai kelayakan mereka untuk menyertai Kempen ini melalui e-mel atau Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) atau mana-mana media komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh CIMB (secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”).
5. Kategori orang/entiti yang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - (b) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya) dan kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau
 - (c) Perkongsian, pertubuhan/organisasi amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat awam berhad, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; dan/atau
 - (d) Individu yang tidak mempunyai akal sempurna; dan/atau
 - (e) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak merepresentasikan dan mengesahkan bahawa beliau tidak terjatuh dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah Kempen

6. Hadiah ("**Hadiah**") berikut disediakan kepada pemenang Kempen ini (*yang akan dipilih selaras dengan Klausula 12 hingga 17*):-

Tempoh Kempen	Hadiah	Bilangan Pemenang
1 ^{hb} November 2020 – 31 ^{hb} Disember 2020	Pulangan tunai RM50 setiap Pemenang	2,000

7. Setiap Peserta Layak hanya akan layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja di bawah Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen.

Kriteria Penyertaan

8. Untuk berpeluang memenangi Hadiah yang dirujuk dalam Klausula 6, Peserta Layak mesti berjaya melakukan dan menyempurnakan tindakan berikut di CIMB Clicks ("**Transaksi Layak**"):-
- (a) Berjaya log masuk ke CIMB Clicks; dan
 - (b) Berjaya lakukan mana-mana transaksi berikut yang sedia ada untuk dilakukan di CIMB Clicks, iaitu
 - i. Pemindahan Dana;
 - ii. DuitNow;
 - iii. Pembayaran Bil;
 - iv. JomPAY;
 - v. FPX;
 - vi. Tambah Nilai Prabayar; dan/atau
 - vii. Pembayaran Pinjaman/Pembiayaan/Kad Kredit,dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) sahaja.
9. Setiap Peserta Layak kelima (ke-5) yang telah berjaya melakukan dan menyempurnakan Transaksi Layak dalam rekod transaksi CIMB adalah layak untuk memenangi hadiah Pulangan Tunai RM50 ("**Pemenang**"), tertakluk pada ketersediaan Hadiah dan terdapat jumlah maksimum dua ribu (2000) Pemenang sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
10. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa apa-apa penentuan oleh CIMB mengenai sama ada mana-mana transaksi tertentu memenuhi syarat sebagai Transaksi Layak hendaklah menjadi muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dengan apa cara jua.

11. Pengesanan Transaksi Layak Peserta Layak hendaklah berdasarkan pada tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.

Proses Pemilihan Pemenang

12. Pada akhir Tempoh Kempen, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, sistem automatik CIMB Clicks CIMB akan memilih Pemenang selaras dengan peruntukan yang dinyatakan dalam **Klausu 9** di sini.
13. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Layak untuk memastikan akaun Semasa atau Simpanan CIMB, akaun Kad Kredit CIMB, akaun Kad Debit CIMB, Akaun CIMB Kwik atau akaun CIMB Lazada Prepaid Mastercard beliau ("**Akaun Penyertaan**") (i) MESTI tidak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat di sini dan perjanjian-perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan tersebut; DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
14. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Layak untuk memastikan alamat e-mel dan nombor mudah alih yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atas sebarang kerugian (termasuk mana-mana kehilangan peluang dan/atau kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya alamat e-mel atau nombor mudah alih Peserta Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB bukan terkini atau dikemaskini.
15. CIMB akan memaklumkan Pemenang bahawa beliau adalah layak kepada Hadiah melalui paparan komunikasi elektronik pada laman web CIMB Clicks dan/atau melalui e-mel dan/atau melalui SMS ke nombor mudah alih Pemenang dan/atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dalam dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen.
16. Pemenang akan menerima Hadiah dalam dua belas (12) minggu dari akhir Tempoh Kempen. Hadiah akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang.
17. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang dan/atau entiti lain dan tidak boleh ditukar dengan kredit atau ganjaran sampingan dalam apa bentuk jua. CIMB tidak akan melayan mana-mana permintaan daripada Pemenang yang layak kepada Hadiah untuk mengreditkan hadiah tunai ke akaun CIMB beliau yang lain atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

18. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka beliau menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di **www.cimb.com.my** dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
19. Akaun Penyertaan Peserta Layak (i) MESTI TIDAK memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian-perjanjian yang mengawal Akaun Penyertaan; dan (ii) MESTI TIDAK ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
20. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkir atau berpotensi memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat.
21. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen ini.
22. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di

luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.

23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada mana-mana kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Peserta Layak SMS atau e-mel melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
24. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my) atau laman web CIMB di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau perubahsuaian kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat.
25. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat.
26. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 24) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
27. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berhubung dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah

diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank.

28. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
29. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Dalam Talian CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan mengatasi yang lain.
30. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor telefon, nombor faksimile dan alamat e-mel (atau mempunyai alamat, nombor telefon, nombor faksimile dan alamat e-mel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / Faks: 603 2691 3248 / E-mel: cru@cimb.com.